



Malaysian Medical Council

Safeguarding patients, guiding doctors

IKLAN JAWATAN KOSONG

Permohonan daripada warganegara Malaysia yang berkelayakan / sedang berkhidmat dalam Perkhidmatan Awam Persekutuan / Perkhidmatan Awam Negeri / Badan Berkanun / Pihak Berkuasa Tempatan adalah dipelawa untuk mengisi jawatan di Majlis Perubatan Malaysia (MPM) secara **TETAP** seperti berikut:

| BIL. | JAWATAN | GRED | KLASIFIKASI PERKHIDMATAN | BIL. KEKOSONGAN | JADUAL GAJI | |
|---------------------------|------------------|------|--------------------------|-----------------|-------------|------------|
| | | | | | MINIMUM | MAKSIMUM |
| KUMPULAN PELAKSANA | | | | | | |
| 1. | Pembantu Operasi | N11 | PENTADBIRAN & SOKONGAN | 1 | RM1,216.00 | RM2,983.00 |

SYARAT – SYARAT UMUM

1. Warganegara Malaysia; dan
2. Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;

SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Pentaksiran Tingkatan Tiga/Penilaian Menengah Rendah atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

SYARAT-SYARAT KHUSUS

1. Adalah seperti di **Lampiran A**.

PROSEDUR PERMOHONAN

1. Permohonan hendaklah dibuat menggunakan borang permohonan yang boleh dimuat turun di laman web Majlis Perubatan Malaysia. <https://mmc.gov.my/wp-content/uploads/2019/11/BORANG-PERMOHONAN-MPM.pdf>
2. Setiap borang permohonan hendaklah disertakan sekeping gambar berukuran passport, salinan sijil-sijil dan dokumen yang telah disahkan seperti berikut:
 - i) Kad Pengenalan dan Surat Beranak;
 - ii) Surat berhenti sekolah;
 - iii) Sijil-sijil seperti PMR, SPM, STPM; dan
 - iv) Sijil-sijil lain yang berkaitan.
3. Pegawai-pegawai yang sedang berkhidmat hendaklah mengemukakan permohonan melalui Ketua Jabatan masing-masing mengikut Perintah Am Bab A Perenggan 18.
4. Borang permohonan yang telah lengkap diisi hendaklah dihantar dalam sampul surat dan ditulis **NAMA JAWATAN YANG DIPOHON** di sebelah atas kiri sampul surat dengan **HURUF BESAR** dan hendaklah dikemukakan kepada:

**Ketua Pegawai Eksekutif
Majlis Perubatan Malaysia,
Blok B, Aras Bawah, Jalan Cenderasari,
50590 Kuala Lumpur.**
5. **Borang permohonan yang tidak lengkap / tidak memenuhi syarat tidak akan dipertimbangkan**
6. Tarikh tutup permohonan adalah pada **08 SEPTEMBER 2020**.

| KUMPULAN PELAKSANA | |
|---------------------------|--|
| 1. | PEMBANTU OPERASI GRED N11 (TETAP) |
| | 1) Calon bagi lantikan jawatan di atas mestilah memiliki kelayakan berikut: |
| | (a) Warganegara Malaysia; |
| | (b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan; |
| | (c) (i) Pentaksiran Tingkatan Tiga/Penilaian Menengah Rendah atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan; atau |
| | (ii) Pentaksiran Tingkatan Tiga/Penilaian Menengah Rendah atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan memiliki lesen memandu Kelas B2/B/D/E2/E1/E yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan [kecuali Lesen Memandu Percubaan (P)]. |
| | 2) Syarat Peningkatan Secara Lantikan |
| | (a) Pembantu Operasi yang menunjukkan prestasi yang cemerlang adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk peningkatan secara lantikan ke jawatan Pembantu Kemahiran Gred H19, Operator Wayarles Gred N19, Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) Gred N19 atau Pembantu Kesihatan Awam Gred U19 yang kosong mengikut syarat-syarat yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan berkenaan. |
| | 3) Ringkasan tugas |
| | a) Melaksanakan tugas-tugas dalam membantu melicinkan perjalanan urusan pejabat seharian melibatkan pergerakan fail, penghantaran dan pendaftaran surat/dokumen/saman/notis serta pemanduan kenderaan; |
| | b) Memandu dan menyenggara kenderaan yang diliputi oleh lesen memandu Kelas B2/B/D/E2/E1/E; |
| | c) Bertanggungjawab melaksanakan tugas-tugas operasi am bersifat hands-on yang memerlukan keupayaan fizikal di dalam pejabat. |